

06/11/2003

MCA, pertubuhan Cina sokong PM

KUALA LUMPUR: MCA dan 4,000 pertubuhan Cina semalam sebulat suara menyokong pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima serta merakamkan setinggi penghargaan terhadap jasa Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, yang membaca resolusi dua perkara pada akhir dialog di antara MCA dan Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) serta Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM), menyatakan keyakinan terhadap kepemimpinan Abdullah serta keupayaan beliau menangani masalah masyarakat Cina.

"Masyarakat Cina percaya Abdullah yang sentiasa bersikap terbuka, adil dan sederhana akan membantu dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat Cina serta memberi pertimbangan sewajarnya terhadap cadangan munasabah masyarakat Cina.

"Masyarakat Cina juga menyanjung tinggi sumbangan bakti dan pencapaian Dr Mahathir dalam memajukan negara, mempertingkatkan imej negara, mengekalkan kestabilan masyarakat, mempereratkan perpaduan dan keharmonian rakyat dan berjaya membentuk sikap berdaya maju rakyat Malaysia," katanya.

Selain Ong, MCA turut diwakili Setiausaha Agungnya, Tan Sri Ting Chew Peh, dan Ahli Jawatankuasa Pusat MCA yang juga Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Donald Lim Siang Chai dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim, yang memberi taklimat mengenai dasar kerajaan.

Dialog hampir empat jam itu juga membincangkan lebih 100 perkara membabitkan masyarakat Cina, termasuk cadangan yang akan dikemukakan kepada kerajaan.

Ong berkata, sebagai menghargai kedua-dua pemimpin negara itu, majlis makan malam besar-besaran anjuran MCA dan pertubuhan Cina itu akan diadakan untuk Abdullah pada 20 Disember ini manakala untuk Dr Mahathir pada 1 Februari tahun depan.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, majlis makan malam besar-besaran itu juga akan disertai pemimpin parti Cina dalam Barisan Nasional (BN).

"Beberapa pemimpin terbabit sudah menyatakan persetujuan untuk menghadiri majlis berkenaan," katanya.

Menyentuh hasil dialog itu, Ong berkata tiga jawatankuasa, iaitu berkaitan mengubah minda masyarakat Cina, meningkatkan daya saing masyarakat Cina dalam perniagaan global, dan berkaitan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, diwujudkan bagi merangka dasar serta tindakan berhubung perkara terbabit.